

Rabu 24.12.14 Hello Kampus m/s 26

## UMP menang Anugerah Buku Negara 2014

**KUANTAN 23 Dis.** - Buku bertajuk *Rahsia Keunikan Gaharu* terbitan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya merangkul salah satu anugerah yang dipertandingkan dalam Anugerah Buku Negara 2014 baru-baru ini.

Buku tulisan Dr. Fatmawati Adam (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli), Joharizal Johari (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli) dan Prof. Madya. Dr. Saiful Nizam Tajudin (Fakulti Sains dan Teknologi Industri) itu memenangi kategori Buku Umum Terbaik (Teknologi Pertanian).

Pengarah Penerbit UMP, Prof. Madya Dr. Mohd. Ghani Awang berkata, kerjasama strategik antara penerbit dan pensyarah terbukti membawa hasil dalam membantu meningkatkan kualiti penerbitan karya asli universiti.

"Kita bersyukur dengan pencapaian ini berikutan dapat meningkatkan kualiti penerbitan universiti dalam menghasilkan buku yang bermutu.

"Kita juga mengharapkan dengan penerimaan anugerah ini dapat menyuntik semangat lebih ramai lagi warga universiti untuk

menghasilkan buku yang berkualiti sebagai bahan rujukan kepada generasi akan datang," katanya.

Menurutnya, anugerah itu merupakan kali kedua dimenangi UMP selepas buku bertajuk *Watik, Budaya dan Citra*, tulisan Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim memenangi kategori Buku Umum Terbaik (Pentadbiran) tahun lalu.

"Kita sentiasa mengharapkan kejayaan ini akan berterusan demi memastikan penerbitan UMP sentiasa berbakti kepada masyarakat," katanya.